PERBADANAN PENGANGKUTAN AWAM JOHOR

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Kenyataan Tawaran Tender adalah dipelawa kepada Pengusaha Bas Henti-henti yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 221503 (Penyewaan Dan Pengurusan Kenderaan / Jentera / Kenderaan Rekreasi) dan berminat menyertai Tawaran Tender berikut:

BUTIR-BUTIR TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARAF DAN SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP DAN TEMPAT PENYERAHAN
No. Tender: **PAJ/PRO/F03/2026/005** Tajuk Tender: **TRANSIT JOHOR 2027**	RM 100.00 / dokumen	Tarikh : Dokumen Tender sedia untuk diperolehi / dibeli dari **21 OKTOBER 2026 (RABU)** Tempat: **Bahagian Kaunter**, Ruang Utama Pejabat, Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ), No. 12, Jalan Iskandar Putri 1/2, Taman Nusantara Prima, 79200 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim. **KAEDAH PEMBELIAN** - Secara Tunai	Taraf Terbuka: Pengusaha Bas Henti-henti yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan syarat-syarat: 1. Syarikat yang mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987: Peraturan Kenderaan Perkhidmatan Awam (Perlesenan Dan Perlakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang)1959 Peraturan Kenderaan Bermotor (Pembinaan Dan Kegunaan) 1959; dan semua Akta dan Peraturan yang berkenaan berserta pindaan-pindaan yang berkuat kuasa. 2. Syarikat sedia ada yang mempunyai permit laluan yang sah daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) 3. Syarikat yang mempunyai depoh penyelenggaraan yang lengkap dan tempat simpanan bas yang mencukupi. 4. Syarikat yang tidak menjalankan aktiviti subkontrak operasi kepada mana-mana pihak ketiga	Tarikh: **12 NOVEMBER 2026 (KHAMIS)** Masa: 12.00 tengah hari Tempat: **Bahagian Kaunter,** Ruang Utama Pejabat, Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ), No. 12, Jalan Iskandar Putri 1/2, Taman Nusantara Prima, 79200 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim. Nota: Tender yang lewat diserah tidak akan dilayan.

1. TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN TENDER DIKELUARKAN
Dokumen tender ini boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Perbadanan Pengangkutan Awam Johor di No. 12, Jalan Iskandar Putri 1/2, Taman Nusantara Prima, 79200 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim.
Dokumen ini hanya boleh diperolehi / dibeli mulai **21 OKTOBER 2026 (RABU)** pada waktu pejabat iaitu 9.00 pagi hingga 3.30 petang. Pengusaha bas yang berminat dikehendaki mengemukakan salinan asal Sijil Kementerian Kewangan dan bawa bersama **cop syarikat** ketika mengambil Dokumen Tender tersebut.

2. TARIKH DAN TEMPAT PENYERAHAN TENDER
Tender yang telah lengkap hendaklah ditulis No Tender dan nama projek di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimeterai dan dihantar ke Ibu Pejabat Perbadanan Pengangkutan Awam Johor di No. 12, Jalan Iskandar Putri 1/2, Taman Nusantara Prima, 79200 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim sebelum 12.00 tengah hari pada **12 NOVEMBER 2026 (KHAMIS).**

3. Taklimat tender akan diadakan pada **22 OKTOBER 2026 (KHAMIS)** pada **jam 10.00 pagi** di Bilik Mesyuarat Aras 1, PAJ. Kehadiran adalah **WAJIB** bagi petender-petender yang menghantar dokumen tender.

4. Pihak PAJ berhak untuk menolak atau menerima mana-mana permohonan atau membatalkan proses Tawaran Tender atau menolak semua permohonan, tanpa menanggung segala liabiliti yang berlaku kepada pemohon atau tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pemohon sebab-sebab tindakan tersebut diambil. PAJ juga tidak akan menanggung segala kos yang dikeluarkan oleh pemohon untuk menyertai, menyedia dan melengkapkan Tawaran Tender ini.